

**Fadillah Serah Kepada Parti Sama Ada Perlu Ada Pertandingan Ketua Pemuda PBB Bernama**  
**17 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 17 Sept (Bernama) -- Ketua Pemuda Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) Datuk Fadillah Yusof menyerahkan kepada pucuk pimpinan tertinggi parti dan pemimpin akar umbi untuk menentukan sama ada akan diadakan pertandingan bagi jawatan itu pada pemilihan Oktober ini.

Anggota Parlimen Petra Jaya itu berkata beliau sedia berkhidmat sekiranya diperlukan dan akan berundur sekiranya pertukaran kepimpinan harus dilakukan.

Fadillah yang juga Menteri Kerja Raya berkata pertandingan pada setiap pemilihan adalah kebiasaan bagi parti seperti PBB yang mengamalkan demokrasi.

"Tetapi kami juga kebiasaannya akan mengadakan perundingan sebab pada kami, demokrasi juga membuka ruang untuk perundingan dan kami akan mendengar bukan sahaja pandangan daripada pemimpin tertinggi tapi juga dari kalangan pemimpin di peringkat akar umbi.

"Dan akhirnya kalau mereka hendakkan pertandingan, itu yang terbaik dan yang diterima, maka kita akan seperti biasa adakan pertandingan dan kemungkinan juga tiada pertandingan kerana ini (juga) perkara biasa dalam PBB," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Ecobuild Asia Tenggara 2013 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini Selasa.

Program terbesar di dunia bagi reka bentuk, pembinaan dan alam bina mampan itu disertai 250 pempamer dari 22 buah negara termasuk Kanada, China dan United Kingdom.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=978182>